

15 FEB 2001

MAHATHIR BERTEMU PANEL PENASIHAT PERPADUAN NEGARA

PUTRAJAYA, 15 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan pertemuan dengan Panel Penasihat Perpaduan Negara.

Panel itu, yang ditubuhkan pada 1974, berperanan sebagai badan untuk membincangkan secara terus terang isu-isu berhubung perpaduan, menggalakkan perhubungan kaum secara positif dan mencegah perasaan perkauman yang boleh menimbulkan konflik dan konfrantasi antara kaum.

Perjumpaan itu berlangsung di bilik Mesyuarat Perdana, Jabatan Perdana Menteri di sini, pada pukul 3.40 petang.

Rombongan panel seramai 43 orang itu diketuai oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang juga pengerusi panel itu.

Para anggota panel seramai 48 orang adalah dilantik oleh Perdana Menteri.

-- BERNAMA
AFY SSA ZB